

UMS bantu akademi China peroleh perakuan Halal

DE 17.8.2017 2

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Sijil Halal Malaysia cukup terkenal di seluruh dunia dan sebarang produk yang mempunyai logo Halal akan diterima baik dan dibeli oleh orang ramai tanpa sebarang keraguan.

Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Sharifudin Md Shaarani berkata sijil Halal negara adalah unik disebabkan pengiktirafannya oleh masyarakat dunia.

Beliau berkata sebarang pengilang dan pengeluar yang memohon sijil Halal tidak akan menghadapi sebarang kesukaran untuk menjual produk mereka termasuk di negara-negara Islam seperti di Timur Tengah.

"Kami memeteraikan satu usaha sama (JV) antara UMS dan sebuah pusat penyelidikan di China, Akademi Sains Heilongjiang untuk dua produknya - Black Garlic dan Black Fungus.

"Mereka mahu membuat JV dengan kami (UMS) agar pemprosesan dan pengeluaran dua produk itu boleh mendapat sijil Halal kita.

"Justeru, UMS bertanggungjawab untuk membantu pusat itu memohon sijil dan logo Halal untuk dua produk itu dipasarkan di Malaysia, yang kami telah lakukan pada Oktober tahun lepas dan dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman di Sandakan," katanya.

Dr Sharifudin berkata demikian kepada pemberita selepas pembukaan satu program advokasi: 'Memperkasakan Integriti Industri Halal' di sebuah bilik seminar di Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan UMS di sini, Rabu.

Beliau mewakili Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin untuk menyempurnakan program di sini yang diadakan buat kali pertama di Sabah. Ia dianjurkan bersama oleh UMS, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Jheains) dan Majlis Ugama Islam Sabah (Muis).

Ia bertujuan untuk memberi maklumat terkini mengenai persijilan Halal dan menjelaskan isu Halal semasa kepada pemain industri di Negeri ini.

Seramai 70 peserta dari pelbagai industri di Sabah menghadiri program sehari itu yang akan menyentuh kepentingan mendapatkan sijil halal dan impak positif terhadap produk mereka.

Beliau berkata perjanjian JV itu juga melakar sejarah buat UMS sebagai universiti pertama di



DR SHARIFUDIN (kedua dari kanan) menyampaikan cendera-menghargaan kepada Mat Radzi (kedua dari kiri) sambil diperhatikan yang lain.

Malaysia melalui syarikat subsidiarinya UMS Investment Holdings Sdn Bhd (UiNVEST) untuk membantu Akademi Sains Heilongjiang mendapatkan sijil Halal Malaysia bagi dua produk itu, di mana mereka mematuhi kesemua syarat dan terma yang dikenakan oleh Jakim.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata mereka menerima dua produk itu awal tahun ini dan UiNVEST bertanggungjawab untuk memasarkan dua produk itu di Sabah di mana ia mempunyai permintaan baik.

Buat masa ini, Dr Sharifudin berkata dua produk itu dipasarkan di Sabah dan dalam fasa berikutnya, di seluruh negara.

Jika produk-produk itu mahu dipasarkan ke negara-negara Timur Tengah, katanya, beliau optimis dua produk China dengan sijil dan logo Halal Malaysia akan diterima penduduk di sana.

Sementara itu, pengarah cawangan Jakim Sabah, Mat Radzi bin Mat Ali berkata kesedaran masih rendah dalam kalangan pemain industri dan komuniti perniagaan di Sabah mengenai bagaimana dan di mana untuk memohon sijil Halal.

"Sebenarnya, pemain industri dan usahawan

yang ingin memiliki sijil dan logo Halal Malaysia untuk produk mereka, mesti memohon melalui Jakim di sini.

"Kemudahan seperti itu disediakan kepada pemohon kerana mereka tidak perlu ke ibu pejabat Jakim di Putrajaya untuk mengemukakan permohonan mereka untuk sijil Halal, sementara Jheains akan mengeluarkan sijil Halal dan logonya kepada pemohon yang berjaya," katanya.

Mat Radzi berkata beliau menafikan kos memohon sijil Halal Malaysia mencecah RM10,000 untuk satu dokumen, kerana bagi produk tempatan, pemohon sijil Halal yang berjaya akan membayar RM400 untuk tempoh dua tahun.

Selanjutnya, beliau berkata Jakim telah mengambil inisiatif baharu untuk mempercepatkan proses pengeluaran sijil Halal daripada sebulan kepada tiga hari asalkan kesemua keperluan dipenuhi.

Berikutan itu, beliau menasihatkan orang ramai untuk jangan mendengar khabar angin dan dakwaan yang disebarkan dalam media sosial, tetapi mencari maklumat tepat dan betul di laman sesawang Jakim yang boleh menjawab kesemua pertanyaan dan keraguan mereka.